

PERANAN MAJLIS BUKU KEBANGSAAN MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN INDUSTRI BUKU NEGARA

Oleh:

DR. A'AZMI BIN SHAHRI

Pengarah Urus Setia Tetap MBKM



LATAR BELAKANG

Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 1968 berdasarkan kepada perakuan UNESCO yang menyarankan penubuhan sebuah badan kas yang bertanggungjawab untuk mengembangkan minat membaca dan memajukan industri buku dalam kalangan negara-negara membangun. Penubuhan MBKM yang pada awalnya dikenali sebagai Majlis Buku Kebangsaan (MKBK) adalah berperanan sebagai sebuah badan profesional dan penasihat buku di peringkat kebangsaan.

Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli MBKM yang dilantik oleh Menteri Pelajaran yang dianggotai oleh wakil-wakil daripada beberapa kementerian dan agensi kerajaan, persatuan-persatuan industri dan badan-badan bukan kerajaan yang mempunyai hubungan dengan perusahaan dan kemajuan buku serta tiga orang ahli individu yang berkebolehan untuk memberi sumbangan terhadap peranan dan fungsi Majlis Buku Kebangsaan Malaysia. Pengerusi MBKM pada masa ini ialah Y.Bhg Dato' Sri Abd. Ghafar bin Mahmud, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Manakala Timbalan Pengerusi MBKM ialah Y.Bhg. Datuk Dr. Khair bin Mohamad Yusof, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Dasar & Pembangunan Pendidikan).

Dasar Buku Negara (DBN) yang digerakkan oleh MBKM merupakan dasar yang dijadikan panduan dan hala tuju oleh MBKM untuk mengembangkan kegiatannya dalam bidang perbukuan dan pembacaan di negara ini. DBN yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada tahun 1988 digubal bagi memastikan rakyat Malaysia mempunyai minat membaca dan menggunakan bahan bacaan yang berkualiti. Di antara matlamat utama DBN adalah seperti berikut:

- i. Untuk memastikan supaya buku dalam bahasa Malayu dapat memainkan peranan yang berkesan sebagai alat pembangunan fikiran, sosial dan kebudayaan, sesuai dengan keperluan dan cita-cita negara;
- ii. Untuk memastikan supaya buku dapat dinikmati oleh semua golongan masyarakat negara ini;
- iii. Untuk memastikan supaya rakyat di negara ini mempunyai minat membaca yang tinggi, dan menjelang tahun 2000, masyarakat Malaysia boleh dianggap seratus peratus masyarakat yang membaca; dan
- iv. Untuk memastikan supaya semua buku yang diterbitkan di negara ini mencapai mutu yang baik dari segi bentuk fizikalnya.

EVOLUSI STRUKTUR PENTADBIRAN DIPERKEMASKAN

Sebelum menerima perjawatan yang hakiki, MBKM diuruskan operasi pentadbirannya sebagai sebuah Unit di KPM dengan pegawainya dipinjamkan secara pentadbiran dari bahagian-bahagian lain. Kini MBKM telah mempunyai sebuah Urus Setia Tetap yang diwujudkan oleh ekrajaan mulai 31 Disember 2005. Ia beroperasi sebagai sebuah “Bahagian” di bawah Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan, KPM dengan diketuai oleh seorang Pengarah. Urus Setia Tetap tersebut berperanan untuk mengurus pentadbiran MBKM serta menyelaraskan segala program kerjasama yang berkaitan dengan pembangunan industri buku dan pengembangan budaya membaca, sama ada dengan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, dan pihak swasta di negara ini. Urus Setia Tetap MBKM mempunyai unit-unit di bawah pentadbirannya seperti berikut:

- Unit Pembangunan Industri Buku dan Keurusetiaan
- Unit Penerbitan dan Promosi Buku
- Unit Pengembangan Budaya Membaca
- Unit Latihan Perbukuan dan Pengurusan Maklumat

Visi, Misi dan moto MBKM adalah seperti berikut:

- i. Visi: Pemangkin bagi pembangunan dan kemajuan industri perbukuan negara;
- ii. Misi: Memperkasa industri perbukuan serta mengembangkan budaya membaca rakyat Malaysia melalui kolaborasi dengan penggiat dan pengusaha buku selaras dengan Dasar Buku Negara; dan
- iii. Moto: “Buku Memperkaya Minda”

FUNGSI MBKM

Pada keseluruhannya fungsi penubuhan MBKM adalah diperjelaskan seperti berikut:

- Menasihati kerajaan dalam perkara dasar dan peraturan industri buku, khususnya penerbitan bercetak dan penerbitan elektronik dalam bahasa Melayu;
- Menjalankan usaha memupuk dan menggalakkan minat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia seperti yang termaktub dalam Dasar Buku Negara serta pembinaan modal insan;

- Menggalakkan pembentukan norma dan mengadakan kod etika industri buku untuk meningkatkan profesionalisme serta persaingan yang sihat dan adil dengan mengadakan institusi dan peraturan self-regulation untuk industri buku;
- Menjalankan kegiatan bimbingan ke arah meningkatkan profesionalisme dalam bidang kepengarangan, penerbitan, pengeluaran dan pemasaran buku bercetak dan elektronik;
- Menjalankan kajian dan penyelidikan tentang pelbagai aspek penerbitan dan pembangunan industri buku;
- Menjadi pusat maklumat industri buku dengan menubuhkan pengkalan data elektronik dan portal laman sesawang (website) industri buku;
- Membantu penerbitan buku-buku yang dianggap tiada daya maju daripada segi komersial tetapi penting bagi pembangunan ilmu pengetahuan;
- Memudahkan perundingan antara kerajaan dengan pihak yang berkaitan dengan industri buku dan menjadi forum bagi mana-mana pihak yang berkepentingan dalam industri buku;
- Menubuhkan pusat pendaftaran penerbit dan pusat pendaftaran hak cipta;
- Menggalakkan penyertaan industri buku negara dalam kegiatan pembangunan dan promosi buku di peringkat nasional dan antarabangsa, termasuk yang berkaitan dengan urusan niaga hak cipta;
- Berkerjasama dengan pihak penerbit dalam usaha memperbanyakkan penerbitan bahan cetak dan elektronik bagi kegunaan pendidikan dan pengembangan ilmu pengetahuan; dan
- Menggalakkan perkembangan industri buku di Malaysia melalui program dan aktiviti pemasaran dan lain-lain yang dirancang selaras dengan Misi Nasional dan matlamat Wawasan 2020.

PERANAN DUA DASAWARSA

Kerajaan mewujudkan MBKM dan masih dikekalkan sehingga kini sejak penubuhannya pada 1968 yang lalu membuktikan “Majlis” tersebut bersifat “functional” dan amat menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan industri buku negara. MBKM yang mempunyai kepentingan dalam industri buku negara yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) telah berjaya menghimpunkan pemain-pemain utama industri

buku dan pihak berkuasa untuk sama-sama menjayakan matlamat yang digariskan di dalam DBN. Di antara dasar-dasar operasi yang telah dizahirkan oleh MBKM secara kolektif adalah seperti berikut:

- Kempen dan galakan budaya membaca
- Latihan profesional untuk peningkatan kapasiti modal insan
- Pengantarabangsaan karya Malaysia di luar negara
- Menerbitkan karya kurang tarikan komersial tetapi mempunyai kepentingan dalam pembangunan buku

Sebagai sebuah agensi yang bersifat dinamik dan progresif maka MBKM akan mengkaji dan meneliti semula DBN dari semasa ke semasa bagi tujuan memperkukuh dan memperkasa DBN. Ia bertujuan menjadikan DBN yang digubal pada 1988 tersebut sentiasa kemas kini dan segara dengan situasi dan keperluan semasa, memandangkan selera generasi pembaca yang berubah-ubah dan kemajuan teknologi penerbitan bahan bacaan yang kian pantas.

Bagi memenuhi keperluan peningkatan kapasiti (capacity building) pemain-pemain industri buku supaya kekal berdaya maju mengikut tuntutan dan keperluan zaman di alaf abad 21, maka MBKM dengan kerjasama persatuan-persatuan di bawah industri buku telah mengendalikan program latihya yang mampu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan. Sejak dua tahun kebelakangan, MBKM telah mengendalikan tiga siri latihan yang berkaitan potensi dagangan hakcipta, kesedaran perundangan dan penerbitan elektronik atau digital.

Beberapa kajian bagi tujuan merangka pembangunan industri buku turut dikendalikan MBKM dengan kerjasama IPT yang berkenaan serta persatuan-persatuan industri buku. Di antara kajian terkini yang telah dibuat adalah berkaitan bahan-bahan bacaan yang menjadi pilihan pembaca semasa mengunjungi pameran buku di negara, termasukla Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur. Hasil kajian berkenaan akan membantu MBKM memperoleh data yang boleh disampaikan kepada pihak-pihak berkepentingan tentang profil pembaca di Malaysia. Yang mutakhir adalah rancangan untuk menjalankan kajian bagi memenuhi keperluan perancangan strategik pembangunan industri buku negara.

MBKM turut memainkan peranan untuk memasarkan hakcipta dan dalam masa yang sama mengantarabangsakan karya tempatan di pesada dunia, khususnya dalam pameran-pameran buku antarabangsa yang terbesar di dunia, seperti Frankfurt Book Fair, Bologna International Book Fair dan Beijing

International Book Fair. Menerusi penyertaan di pameran-pameran buku terbesar dunia maka pelbagai genre karya tempatan dapat dipasarkan untuk dinikmati oleh masyarakat lain di dunia. Menerusi penyertaan di Frankfurt Book Fair 2011 misalnya, potensi jualan karya Malaysia dalam lingkungan RM3 juta. Justeru Malaysia perlu merangka lebih berstrategi dan bersinergi untuk mengangkat karya-karya Malaysia di peringkat antarabangsa dan global. Dalam waktu yang sama, MBKM sedang mengatur langkah rancangan mengukuhkan sayap pusat dagangan hak cipta (trade and copyright centre – TCC) yang dijayakan di dalam Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur sejak tiga tahun lalu untuk membina platform pemasaran pelbagai genre karya tempatan dalam wilayah Asia Pasifik.

Berkesempatan dengan penyertaan Malaysia yang diketuai oleh MBKM di pesada pameran buku tersohor dan terbesar di dunia tersebut, turut diusahakan ijab jalinan di antara penerbit-penerbit tempatan dengan penerbit-penerbit di wilayah-wilayah besar selain Asia Tenggara, seperti Eropah, Asia Tengah dan Asia Timur. Dengan terbentuk ijab jalinan tersebut akan membolehkan para penerbit tempatan meneroka secara kreatif potensi pasaran hakcipta Malaysia di wilayah-wilayah yang berkenaan. Sehingga kini, ikatan jalinan tersebut telah disangkut dengan Jerman, Britain, Jepun, China, Ameriyah Arab Bersatu (UAE) dan Iran.

Penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) dan Pesata Buku Kanak-Kanak (PKK) pada saban tahun juga mempunyai matlamat untuk memasarkan pelbagai genre karya tempatan dan antarabangsa bagi membolehkan rakyat menikmati pelbagai pilihan bahan bacaan (buku dan digital) yang bermutu pada harga perpatutan di lokasi setempat. Meskipun natijah penjual buku adalah untuk mendapatkan untung manakala pihak pembeli/pembaca pula mahukan terbitan berkualiti pada harga terbaik, namun penganjuran kedua-dua projek tersebut merupakan sebahagian daripada prasarana menggalakkan budaya membaca di kalangan pelbagai lapisan peringkat dan usia. Selain daripada itu, MBKM turut menggalakkan daya usaha pihak lain menganjurkan pameran buku sama ada bersifat domestik mahupun antarabangsa dan berbentuk skala kecil atau besar, supaya rakyat sentiasa mendapat banyak pilihan untuk mengukuhkan minat membaca mereka.

Sebagai penghargaan kepada pihak terlibat dalam pengkaryaan genre-genre pelbagai bahan bacaan, maka MBKM telah mengusahakan penganugerahan khas kepada penulis-penulis yang berkenaan dalam “Anugerah Buku Kebangsaan” sejak 10 tahun lalu, dan kini anugerah berprestij tersebut akan dijenamakan sebagai “Anugerah Buku Perdana” selaras dengan saranan Y.A.B Timbala Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran ketika melancarkan PBAKL kali ke-30 tahun 2011. Anugerah tersebut akan memberikan pengiktirafan tertinggi terhadap

penulis pelbagai kategori karya yang mampu menyumbang kepada pembangunan kesusasteraan dan pengkaryaan di Malaysia.

Inovasi dalam penerbitan seperti terbitan buku digital dan e-book yang mula mendapat sambutan hangat di benua Amerika, Eropah dan Asia Timur telah mula dirasai di Asia Tenggara amnya dan Malaysia khususnya. Justeru MBKM telah menyatu dan membina pemuafakatan dengan pemain-pemain industri buku negara supaya membuat persiapan rapi untuk berada dalam kancah “persaingan bersifat global”, agar penerbit-penerbit tempatan berupaya menongkah ke daratan penerbitan dan pemasaran cara baru serta mengekalkan dominasi mereka dalam posisi kitaran setempat di negara sendiri. Dengan wujudnya “nada dan irama” yang seiring dalam kalangan pemain industri buku ketika menghadapi cabaran global tersebut, dijangka akan mencorakkan landskap penerbitan bahan bacaan yang mampu memenuhi keperluan tempatan dan pada masa yang sama menarik minat penerbit asing untuk membelinya bagi kegunaan pasaran di wilayah dan negara masing-masing. Fenomena ini terbukti melalui penyertaan Malaysia di Frankfurt Book Fair yang mampu “mengeksport” hak cipta tempatan serta meraih pulangan yang lumayan.

Salah satu daripada matlamat DBN adalah untuk membina dan mengukuhkan budaya membaca dalam kalangan rakyat negara kita. Justeru, pelbagai agensi kerajaan yang dilantik sebagai ahli MBKM telah memainkan peranan masing-masing untuk mendukung budaya membaca yang menjadi teras kemajuan dan tamadun bangsa. Di antaranya adalah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang saban tahun menganjurkan kempen galakan membaca dan kempen penggunaan Bahasa Kebangsaan sebagai tunjang penerbitan bahan bacaan. Usaha ini dilanjutkan pula oleh Urus Setia Tetap MBKM yang menjayakan program “Jejak Buku”, “Kembara Buku” dan “Sumbangan Buku” dengan kerjasama dan sokongan pelbagai syarikat penerbit swasta dan juga syarikat berkaitan kerajaan seperti Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBN). Program-program berkaitan galakan budaya membaca yang dibawah kendalian Urus Setia Tetap MBKM telah menjadi “Pelengkap” kepada program-program seumpamanya yang dianjurkan oleh agensi-agensi kerajaan yang lain.

Bagi menyahut saranan UNESCO supaya negara-negara yang berkelas maju menerbitkan judul buku sekurang-kurangnya 0.1% daripada jumlah penduduknya, maka MBKM telah menetapkan sasaran penerbitan sekurang-kurangnya 26,000 judul buku setahun. Sasaran ini juga merupakan saranan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri semasa melancarkan PBAKL 2011, dan MBKM telah menyambut saranan tersebut dengan merangka strategi untuk mencapai sasaran tersebut yang diketuai oleh PNM sebagai agensi berkuasa di bawah

Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331). Dengan adanya sasaran penerbitan tersebut akan membolehkan haluan penerbitan buku negara lebih lancar dan berkesan, lebih-lebih lagi dengan pacuan Baucer Buku RM200 yang diumumkan oleh kerajaan semasa membentangkan Belanjawan 2012.

Bagi menunjukkan sumbangan KPM dalam usaha mencapai sasaran penerbitan 26,000 judul buku setahun, maka Urus Setia Tetap MBKM telah melaksanakan inisiatif menggalakkan buku berkarya dengan mengadakan bengkel penulisan semasa menjayakan program “Kembara Buku” pada setiap tahun. Melalui bengkel tersebut guru-guru diberi pendedahan dan latihan untuk menjadi penulis atau pengkarya mengikut bidang masing-masing. Usaha tersebut telah dilanjutkan dengan pengajuran “Bengkel Ilustrator” yang dapat melahirkan 25 orang pengkarya ilustrator pada 2011. Hasil karya ini dijangka akan dibawa ke Bologna International Book Fair untuk dipamerkan dan juga dipasarkan jika mempunyai permintaan. Visual illustrator tersebut merupakan yang pertama dikompilasi daripada kalangan guru-guru di Malaysia.

Sebagai agensi kerajaan yang menaungi kemajuan dan pembangunan perbukuan negara, MBKM berperanan menyokong hubungan dan keakraban di antara penerbit-penerbit tempatan dengan rakan dagangan di Wilayah ASEAN. Hubungan akrab dengan rakan dagangan di ASEAN amat penting kerana penduduknya berada dalam lingkungan budaya dan resam yang hampir sama, justeru terbitan bahan bacaan dalam kalangan negara ASEAN boleh meningkat memandangkan bilangan penduduknya lebih 450 juta orang, dan akan memberi kesan terhadap “eksport hakcipta” Malaysia di rantau ini. Oleh yang demikian, MBKM turut menganggotai ASEAN Book Publishers Association (ABPA) sebagai sokongan terhadap penerbit-penerbit tempatan. Selain daripada itu, MBKM juga memberi sokongan terhadap inisiatif Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) menjalin persefahaman secara rasmi dengan ikatan Penerbit Indonesia (IKAPI). Bukti sokongan juga dijemakan melalui inisiatif MBKM mengadakan dialog dagangan dan hak cipta dengan ABPA dan IKAPI, serta memberikan gerai pameran buku secara percuma kepada ABPA dan IKAPI semasa penganjuran PBAKL setiap tahun.

MBKM memainkan peranan sebagai “mediator” dan “fasilitator” kepada pemain-pemain industri dengan agensi-agensi kerajaan yang berkuasa dalam hakcipta, percetakan dan percukaian mengikut perspektif perundangan, serta isu-isu yang berkaitan dengan pengeksportan, percukaian, penerbitan, hak cipta dan percetakan. Justeru MBKM telah menganjurkan aktiviti dialog dan perbincangan di antara wakil-wakil industri buku dengan agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Perbadanan Harta Intelek

dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Dengan adanya dialog dan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan telah membolehkan pemain-pemain industri buku melahirkan pandangan/pendapat berkaitan sesuatu isu mahupun penguatkuasaan perundangan.

MBKM telah memainkan peranan signifikan dalam merealisasikan Kota Buku Kuala Lumpur (KBKL) sebagaimana yang dinyatakan di dalam DBN untuk mewujudkan “Pekan Buku”. MBKM telah dilantik sebagai agensi peneraju untuk merealisasikan penubuhan KBKL. Dalam usaha mencapai misi yang ditetapkan, MBKM dengan kerjasama beberapa agensi kerajaan di bawah KPM telah menubuhkan sebuah syarikat berkaitan kerajaan yang berada di bawah kawal selia KPM, iaitu Perbadanan Kota Buku (PKB) yang kelak akan mengoperasikan KBKL. PKB telah ditubuhkan sebagai Syarikat Menurut Jaminan dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, pada 6 Julai 2011. KBKL yang ditubuhkan nanti akan memberi perkhidmatan kepada penerbit, penulis dan pembaca serta mereka yang berkaitan dengan industri perbukuan termasuk ilustrator, editor dan pereka bentuk grafik. Justeru KBKL kelak berperanan sebagai badan yang menyediakan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan yang tidak bermotifkan keuntungan selaras dengan objektif penubuhannya.

RUMUSAN

Sepanjang dua dekad penubuhannya, MBKM telah melakar platform memainkan peranan penting dan memberi impak besar kepada perubahan dan kemajuan lanskap pembangunan industri buku negara. Adalah diharapkan agar MBKM akan lestari sebagai agensi yang memayungi dan menaungi pembangunan buku negara, termasuk pemain-pemain di bawah industri buku yang berkenaan.

RUJUKAN

1. Kerajaan Malaysia, *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*.
2. Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, *Dasar Buku Negara*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992.
3. Majlis Buku Kebangsaan Malaysia, *Suku Abad Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 1982–2006*, Kuala Lumpur, 2006.
4. *Pelan Pengurusan Urus Setia Tetap Majlis Buku Kebangsaan Malaysia 2012*, Cyberjaya, 2012 (tidak diterbitkan)